## ALAMAT


**Ibu Pejabat:**

**Sarawak Plantation Services Sdn Bhd**
Lot 1174, Blok 9 MCLD
Miri Waterfront
Jalan Permaisuri
98007 Miri, Sarawak
Tel : 085-413 814
Faks: 085-412 861

**Pejabat Korporat**

Tingkat 8, Wisma Naim
Batu 2 1/2 Rock Road
93220 Kuching, Sarawak
Tel : 082-233 560
Faks: 082-233 670

**www.spbgroup.com.my**


### RENUNGAN BERSAMA

*Terjemahan ayat*

Jika kamu berselisih pendapat dalam sesuatu perkara, Maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Kitab Allah (Al-Quran) dan Sunnah (Rasulnya) – Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat.

*(Surah Al-Nisa' Ayat 59)*

## SELAMAT & SIHAT

### KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN – PENGENALAN

Apabila kita memperkatakan tentang kesihatan dan keselamatan pekerjaan terbayanglah akan topi, kasut dan sarung tangan keselamatan dan papan-papan tanda di tempat kerja kita. Itu hanyalah sebahagian dari perlaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, dan bukan bermakna kita sudah sempurna dan menjadi terbaik sedangkan yang lain kita tidak ambil kisah! Keselamatan dan kesihatan pekerjaan, ringkasnya, adalah bidang yang berkaitan dengan hak asasi manusia di dalam penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan pekerja di dalam pekerjaan yang dilakukan, atau, dengan kata lain, menyediakan tempat mencari rezeki yang berkeadaan selamat dan sihat.

Dalam pengurusan dan pentadbiran keselamatan dan kesihatan pekerjaan, tiga perkara yakni **SISTEM KERJA, MANUSIA dan PERSEKITARAN KERJA** selalunya disentuh. Ianya saling berkaitan di antara satu sama lain, dan ketidaksempurnaan pada mana-mana satu boleh mendatangkan kemudaratan atau insiden yang kita tidak ingini.

Pertama, **SISTEM KERJA** adalah cara kerja, termasuklah undang-undang, standards (piawaian), SOP, manual, prosedur kerja, kod amalan, arahan bertulis dan sebagainya. Ianya mesti diwujudkan bukan sahaja untuk mempastikan kerja dilakukan dengan betul atau berproduktiviti tetapi juga untuk tujuan memastikan tiada kemalangan berlaku. Ianya hendaklah disediakan sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa, dan sistem kerja ini hendaklah disediakan dalam bentuk bertulis agar tidak dilaksanakan "mengikut selera" pelakunya. Di dalam estet, contohnya, kita ada tatacara menuai, membaja, meracun, menyelenggara jentera, membaik jambatan, memperbaiki jalan dan sebagainya untuk meningkat produktiviti dan mengurangkan kemalangan. Di dalam kilang pula, pelbagai kehendak undang-undang dan prosedur kerja yang patut dipatuhi. Bayangkan apabila ianya tidak dipatuhi, berlakulah kemalangan… apakah produktiviti tidak akan terjejas?

Kedua, **MANUSIA**, yakni kita semua. kita hendaklah sihat, cekap, berpengalaman dan mampu dalam bentuk mental dan fizikal untuk melaksanakan kerja yang diamanahkan. Bukan sahaja di kalangan pekerja bawahan tetapi juga pada peringkat pengurusan sesebuah unit operasi perlu sedar akan tanggung jawab menjaga keselamatan dan kesihatan di bahagian masing-masing. Rekod kemalangan di dalam syarikat ini juga membuktikan banyak kemalangan berlaku adalah akibat "kecuaian" sama ada oleh pengurusan unit atau pekerja itu sendiri – selalunya semua pihak akan menuding jari apabila berlaku kemalangan, mencari siapa salah! Namun, oleh kerana setiap manusia mempunyai sikap, pengalaman, tahap pendidikan, latar belakang dan juga keegoan yang berbeza-beza, maka ianya bukanlah sesuatu yang mudah. Pemantauan, pendidikan, nasihat, promosi dan penguatkuasa berterusan hendaklah dilakukan dan dipertingkatkan agar kejadian tidak diingini dapat dikawal.

Akhir sekali ialah **PERSEKITARAN KERJA**, maksudnya keadaan tempat di mana kerja dilakukan. Keadaan yang boleh dikawal seperti keadaan jalan estet, field estet yang tidak terurus, jambatan rosak, kebersihan dan kekemasan dalam kilang tidak memuaskan, susunan-atur yang tidak terurus/tersusun dengan baik, kebocoran di sana-sini dan sebagainya, harus kita perbaiki. Keadaan di luar kawalan seperti cuaca panas, jerebu, kekerapan hujan yang tinggi, banjir, kewujudan haiwan berbisa dan kewujudan orang awam hendaklah kita tangani mengikut kaedah-kaedah yang sesuai dan pragmatik. Bagaimanapun, setiap masalah pasti ada penyelesaian, yang penting kita seharus mencarinya dengan lebih tekun, bijaksana dan terbuka.

Sekiranya, menjaga keselamatan dan kesihatan adalah peranan semua pekerja di dalam SPB, apakah sumbangan anda dan saya di dalam ketiga-tiga kategori yang dinyatakan di atas. Adakah sumbangan kita positif untuk kemajuan berterusan syarikat, atau negatif yang akan membawa kerugian kepada syarikat. Sama-samalah kita renungkan. Salam.

Maklumat disumbangkan oleh: Encik Jefry Mohd Sidek

### MUTIARA KATA

Maklumat disumbangkan oleh: Jabatan Audit Dalaman

Belajarlah MEMAAFKAN jika ingin DIMAAFKAN
Belajarlah MENGHORMATI jika ingin DIHORMATI
Belajarlah MEMAHAMI jika ingin DIFAHAMI
Belajarlah MENGHARGAI jika ingin DIHARGAI
Belajarlah MENYAYANGI jika ingin DISAYANGI

## ...Apa itu KOKASAKO?




### LATARBELAKANG

KOKASAKO telah ditubuhkan pada bulan November tahun 1983 oleh pekerja Sarawak Land Development Berhad (SLDB) di bahagian utara. Pada peringkat permulaan, KOKASAKO mempunyai seramai 214 ahli dengan syer yang berjumlah 1,113 dan setiap syer bernilai RM10. Encik Edmund Abdul Razak merupakan salah seorang Pengurus Skim dan telah dilantik sebagai Pengerusi Protem yang pertama. Antara aktiviti – aktiviti yang telah menyebabkan pembentukan KOKASAKO adalah pengangkutan buah-buahan segar dan juga transaksi jual beli peralatan kimia dan juga pertanian.

### SEMASA

Hari ini, KOKASAKO diuruskan oleh 12 ahli Lembaga Pengarah yang diketuai oleh Tuan Haji Yahya Haji Daud berkuatkuasa pada 31 Disember 2011. KOKASAKO mempunyai keahlian seramai 421 orang. Pada masa ini, KOKASAKO terlibat dengan aktiviti seperti yang tersenarai berikut:-

- Pelaburan
- Perkhidmatan Pembersihan
- Perkhidmatan Insurans
- Kedai Runcit dan Perkhidmatan (akan datang)


SARAWAK PLANTATION

30 JUN 2012

JILID 1, ISU 1




# SPBnewz

### ISU PADA KALI INI...


*Ladangku Syurgaku - Bukit Peninjau* 2
*Sumber Manusia* 3
*Sepatah Kata* 6
*Tanggungjawab Sosial & Korporat* 7
*Selamat & Sihat* 8
*Apa itu KOKASAKO?* 8


### Yang Menarik...

- Hero kacak bulan ini???
- Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan
- Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Sumbangan Syarikat melalui Tanggungjawab Sosial dan Korporat
- Fakta yang perlu diketahui

## SALAM PENGENALAN DARI PENGARAH URUSAN KUMPULAN



**DARI PENGARAH URUSAN KUMPULAN**
**Datuk Haji Hamden bin Ahmad**

Datuk Haji Hamden bin Ahmad adalah seorang pengamal pengurusan moden - baginya, salah satu daripada faktor yang paling penting adalah komunikasi dua hala. Sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Sarawak Plantation Berhad (SPB) beliau juga percaya bahawa ia adalah penting baginya dan semua kakitangannya untuk terlibat dan menyumbang kepada pencapaian syarikat. Sesi berdialog dengan mereka di mana idea-idea mereka diambil kira adalah cara yang paling tepat bagi merealisasikannya.

"Saya tidak mempercayai kaedah pendekatan lama, di mana yang lebih senior harus diikuti. Saya lebih sukakan sumbangan dari menjadi sebahagian daripada pasukan," beliau tekankan sebagai seorang bekas ahli politik beliau meneruskan apa yang beliau percaya.

Datuk juga mahu dicontohi. "Saya sentiasa bersikap terbuka kepada semua pandangan dan pendapat kakitangan SPB, dan saya juga menghormatinya. Mereka bebas untuk meluahkan idea-idea baru, masalah mereka dan kami selalu bergerak sebagai satu pasukan, untuk menangani cabaran masa kini, "katanya.

"Kepercayaan dan rasa hormat itu harus ada di kalangan kakitangan, barulah kita boleh bekerjasama sebagai satu pasukan. Setiap orang dan unit mestilah inovatif dan kreatif, " katanya.

"Apabila semangat dan keyakinan pekerja itu ada, mereka akan lebih berkeyakinan dalam menyumbang dan menjadi sebahagian daripada pasukan itu," katanya lagi.

Sehingga kini, pengurusan terbaik untuk memenuhi kehendak syarikat sudah sebati dengan jiwa Datuk Haji Hamden. Beliau juga berpengalaman luas, dan sentiasa terlibat dalam pengurusan SPB, semenjak masa Lembaga Pembangunan Tanah Sarawak (SLDB) lagi.

Datuk Hamden memulakan kerjaya sebagai Ketua Akauntan dengan Lembaga Pembangunan Tanah Sarawak (sebelum ia menjadi SPB) dari 1978 sehingga 1982. Beliau berkembang lalu menubuhkan firma perakaunannya sendiri pada tahun 1983. Secara kebetulan, beliau terlibat dalam pilihan raya negeri pada tahun 1987 dan memenangi kerusi DUN Belawai.

Beliau kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Belia Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi dan pada satu ketika menjadi Menteri Kementerian Pembangunan Bandar dan Pelancongan.

Selepas kejayaan 5 penggal berturut-turut, beliau bersara dari bidang politik dan kini kembali aktif dalam dunia korporat. Beliau telah dilantik sebagai pengarah SPB pada 1 Mei 2007. Pada 16 Jun, beliau telah ditukar dari Pengarah Bebas Bukan Eksekutif kepada Pengarah Eksekutif, dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan pada 29 Mac 2011 dan telah berada dalam kedudukan ini selama lebih satu tahun.

Beliau juga merupakan ahli Tender Khas SPB dan Jawatankuasa Pengambilan Tanah dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Apabila ditanya tentang pekerjaan beliau, beliau berkata dia memantau secara keseluruhan, dan juga mengambil tindakan proaktif, seperti perancangan masa hadapan dan menjaga pelan pencen korporat dan yang paling penting, keuntungan bagi para pemegang saham.

"2011 merupakan tahun yang hebat, keuntungan kami iaitu RM105million sebelum cukai, yang merupakan pencapaian kali pertama dalam sejarah syarikat itu," katanya. Sebelum itu, keuntungan secara amnya sekitar RM50million sebelum cukai.

"Kakitangan kami menerima 3 bulan bonus dan mereka berasa amat gembira, bukan sahaja para pemegang saham," katanya. "Kaedah yang saya gunakan, pada pendapat saya memainkan peranan," katanya. "Saya menilai apa yang salah dalam syarikat sebelumnya, dan kemudian turun padang melawat ladang-ladang, kilang dan berdialog dengan pengurus, pekerja dan kakitangan. Saya masih ingat, pada awalnya amat sukar bagi mereka, "katanya mengingati balik masa lampau.

Tidak ada sesiapa yang mahu memberi pendapat kerana mereka lebih kepada mengikuti arahan atasan. Tetapi sedikit demi sedikit mereka merasa selesa dan sedikit terbuka, mendengar masalah mereka dan beliau cuba untuk menyelesaikannya. Kelemahan penyenggaran ladang-ladang dan jalan raya dan permintaan kakitangan yang jarang diambil kira oleh pengurusan sebelumnya melemahkan semangat kakitangan.

"Pengurusan sebelumnya mungkin telah membuat kakitangan berasa seperti mereka tidak begitu penting lalu terasa mereka diabaikan. Apabila ini berlaku, semangat untuk memberikan yang terbaik amat kurang dan menampakkan kemerosotan prestasi. Ini menjejaskan moral estet-estet dan kilang-kilang. Tetapi saya berikan keyakinan kepada mereka bahawa pengurusan baru jauh lebih baik, itulah keutamaan kami, "katanya.

*Dari Pengarah Urusan Kumpulan (Sambungan)*

"Kami mula memberi kakitangan faedah yang lebih baik dan menjaga kebajikan mereka," katanya sebagai sebab mengapa syarikat itu mencatatkan prestasi sangat baik. "Maka kakitangan mula menampakkan kepercayaan terhadap pengurusan, semangat mereka juga dirangsang dan mereka mula merasakan bahawa kebajikan mereka telah dijaga dan bekerja sebagai sebuah pasukan mula terasa," katanya.

Sudah tentu masih terdapat kelemahan dan salah satu daripadanya ialah dua buah kilang yang beroperasi di bawah tahap terbaik dan tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada BTS SPB sahaja. Kilang boleh memproses 180MT/hr., tetapi ladang ladang SPB mampu menghasilkan 40% sahaja jadi SPB banyak bergantung kepada pekebun-pekebun kecil. Dia merasakan bahawa insentif perlu terus diberikan kepada pekebun-pekebun kecil ini untuk memastikan bahawa mereka menghantar tanaman mereka kepada kilang SPB kerana mereka bersaing dengan kilang-kilang lain di sekeliling mereka. "Dengan sebab itulah 2011 adalah tahun terbaik, kerana kami menawarkan banyak insentif yang menarik pekebun kecil kepada kilang-kilang kami," katanya.

Bila ditanya pula bagaimana dia melihat cara syarikat boleh meningkatkan prestasi, beliau mengatakan bahawa kakitangan SPB perlu digilap bagi memastikan kenaikan pangkat hanya berlaku di antara atau di kalangan kakitangan yang sedia ada, bukannya dari unsur luar, kerana beliau mempercayai bahawa kesetiaan terhadap syarikat akan menjadi lebih baik.

"Contohnya jawatan Pengawal Operasi, di pilih di antara pekerja yang sedia ada dan berpengalaman dan lebih mengetahui asam-garam estet-estet dan juga kilang-kilang," tambahnya.

Contoh lain dalam bidang pembaikan misalnya, mengekalkan buruh asing yang majoriti pekerja terlatih. "Kami, akhirnya dijadikan sebagai tempat latihan kerana mereka biasanya kembali atau berpindah ke estet lain. Kita perlu mengekalkan mereka untuk sekurang-kurangnya tiga atau lima tahun. "Oleh itu, kebajikan dan perumahan mereka perlu dijaga juga supaya mereka dapat mengekalkan kesetiaan terhadap syarikat.

Mengenai gaji minimum yang dilaksanakan oleh kerajaan, beliau berkata ia tidak menjejaskan syarikat itu kerana sebahagian daripada pekerja terlatih pendapatan sekitar RM1,500. Mengenai apa harapan Datuk Hamden terhadap maksud atau pencapaian buletin tersebut ini, beliau menegaskan bahawa ia harus menjadi satu medium komunikasi di antara pengurusan dan pekerja ladang. "Saya sangat berharap ia membantu merapatkan jurang dan bahawa semua akan menggunakan buletin ini untuk berinteraksi antara satu sama lain, dan juga untuk mengetahui dan belajar daripada satu sama lain," katanya.

"Akhir sekali, buletin ini juga harus dijadikan alat untuk membantu meningkatkan prestasi kami dan kakitangan di masa-masa yang akan datang," katanya pada temubual pertama kami untuk SPB Newz.

# Ladangku Syurgaku - Bukit Peninjau

## LATAR BELAKANG BUKIT PENINJAU

Bukit Peninjau terletak di KM 44, Jalan Miri-Bintulu dengan keluasan sebesar 2203 hektar. Pokok-pokok kelapa sawit telah ditanam sejak tahun 1995, 1997 dan 1998, yang mana 97% datangnya dari tanaman yang ditanam pada tahun-tahun 1997 dan 1998 dengan menghasilkan 2080 keluasan hektar.

## TENAGA KERJA

Mempunyai 19 kakitangan yang terdiri dari di antaranya eksekutif, perkeranian mekanik, sekuriti dan juga kakitangan perladangan.

Jumlah pekerja ladang yakni 284 orang dengan 206 TKI dan 78 pekerja tempatan. Dan dari jumlah keseluruhan terdapat 86 TKI penuai.

## KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI BUKIT PENINJAU

Kemudahan yang terdapat di perkarangan estet dan kawasan-kawasan berdekatan adalah seperti:

- Perumahan untuk kakitangan dengan bekalan elektrik dan air
- Pusat penjagaan kanak-kanak
- Surau
- Sekolah Rendah
- Sekolah Menengah
- Taska
- Kemudahan bersukan
- Kantin
- Pusat Kesihatan Desa





## HASIL / PRESTASI / TANAMAN / PENCAPAIAN

Tahun lepas, jumlah tanaman mencapai 44,287 mt berbanding 44,000 mt sebelumnya. Hasil dari estet ini adalah seperti berikut:

| Tahun | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 |
|---|---|---|---|---|---|
| Tanaman (mt) | 44106 | 42237 | 39147 | 38306 | 44287 |
| Hasil ( mt/ha) | 20.54 | 19.67 | 18.23 | 17.84 | 20.63 |

## SASARAN BAGI 2012

Kita perlu bersungguh-sungguh bagi memastikan BUKIT PENINJAU dapat mengekalkan bilangan tenaga kerja, kami memperlengkapkan mereka dengan pengetahuan terkini untuk maju kehadapan. Disamping menambahbaikkan produktiviti dan operasi kami, pengetahuan dan kesedaran tentang keselamatan juga kami tekankan.

## AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BUKIT PENINJAU

Aktiviti dan program anjuran kami adalah seperti berikut:

- Aktiviti keugamaan anjuran surau-surau
- Sandaran pelajar
- Pertandingan sukan
- Sambutan Hari Pekerja





## HARAPAN KAMI

Kami akan berusaha lebih gigih untuk memberi dan memperbaiki prestasi estet-estet kami untuk mencapai prestasi yang telah kami capai sebelum ini. Kami juga harap dapat mencapai apa juga matlamat syarikat dengan memberi sepenuh focus dan komitmen sebagai sebuah kumpulan yang terbaik.

## HERO KACAK BULAN INI!

### Mengenai Beliau...




**Encik Mohamad Haji Daud**
Senior Estate Manager - Bukit Peninjau

Saya telah menyertai organisasi ini pada 1 Disember 2001, pada mulanya ditempatkan di Pejabat Pengawal Operasi Ladang OPE 3 dan kemudian telah dipindahkan ke estet ini pada bulan Mac 2011.

1. **Bilakah anda menyertai SPS?**
   1 Disember 2001
2. **Apakah skop tanggungjawab kerja anda?**
   Pada masa ini saya beperanan mengurus Ladang Bukit Peninjau dan Lot 86 termasuk Ladang Surea.
3. **Bolehkah anda terangkan rutin harian di ladang secara ringkas?**
   Secara ringkas kerja saya memastikan bahawa pelaksanaan kerja dimulakan dengan perancangan rapi oleh setiap eksekutif dan staf untuk mengerak segala sumber yang ada untuk mencapai sasaran harian yang bersandarkan sasaran *"physical and financial"* tahunan syarikat.

   Sessi berbincangan ringkas dengan eksekutif, staf serta perjumpaan perkerja juga dilakukan mengikut agenda agenda yang berbangkit.

   Mengendalikan perkara perkara kebajikan staff dan pekerja terjaga. Seterusnya melawat tapak operasi yang dijalankan dalam ladang dari masa ke semasa mengikut objektif tertentu.

   Kerja kerja pentadbiran pejabat selalunya dilakukan disebelah petang.
4. **Berapa staf dan pekerja yang ada di Ladang Sawit BP / Ladang Surea?**
   BP Staf 17 Pekerja 294
   LS Staf 22 Pekerja 204
5. **Apakah cara-cara yang paling berkesan untuk memberi arahan pada pekerja di bawah seliaan anda?**
   Dalam sektor kerja ladang, sesuatu arahan kerja misalnya boleh berkesan apabila cara kerja itu dilakukan dengan cara praktikal oleh orang yang memberi arahan atau mengunakan seseorang yang sudah mahir berhubung kerja itu untuk menunjukkan cara kerja itu dilakukan didepan kumpulan sasaran. Jika perlu selepas itu diadakan masa latihan yang disusuli dengan penilaian.
6. **Pengalaman paling manis di Bukit Peninjau....?**
   Mencapai bajet tahun lepas bersama warga tenaga kerja di Bukit Peninjau.
7. **Hobi di masa lapang....?**
   Bersiar bersama keluarga.
8. **Makanan kegemaran adalah...?**
   Mee Kolok.
9. **Berapa bilangan anak?**
   3 orang (2 perempuan & 1 lelaki).



# Sumber Manusia

## KEMASUKAN BARU

| NO | NAMA | JAWATAN | LOKASI | TARIKH MULA KERJA |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Jamali Bin Daud | Mechanic | Subis 3 | 15-Mar-12 |
| 2 | Sulhamid Bin Abdullah | Asst. Executive (Security) | Region I | 15-Mar-12 |
| 3 | Nur Fathin Abdullah | Lab. Assistant | SP Lab | 15-Mar-12 |
| 4 | Sim Say Khim | Snr. Lab Assistant | SP Lab | 02-Apr-12 |

## SELAMAT DATANG!!!



Jamali Daud



Sulhamid Abdullah



Nur Fathin Abdullah



Sim Say Khim

## KENAIKAN GRED / PANGKAT...TAHNIAH!!!

| No | Nama | Jawatan Lama | Jawatan Baru | Lokasi | Tarikh Efektif |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Dyg Nong Ajibah Bt. Awg Zaidi | Accounts Executive | Senior Executive FAO | HQ FAO | 01-Feb-12 |
| 2 | Hamdani Hasfa | Mill Engineer | *Mill Engineer* | NPOM | 01-Feb-12 |
| 3 | Ali Bin Awi | Security Guard | Auxiliary Police | HQ | 01-Feb-12 |
| 4 | Steven anak Chakat | Security Guard | Auxiliary Police | NPOM | 01-Feb-12 |
| 5 | Jeffery Bakat Anak Nanta | Security Guard | Auxiliary Police | Ladang 3 | 01-Feb-12 |
| 6 | Osman Bin Bakeri | Security Guard | Auxiliary Police | Ladang Surea | 01-Feb-12 |
| 7 | Steward Chendai Anak Gunong | Security Guard | Auxiliary Police | NPOM | 01-Feb-12 |
| 8 | Mohammad Ikhwan Bin Ismail | Security Guard | Auxiliary Police | MPOM | 01-Feb-12 |
| 9 | Leyung Anak Sinja | Security Guard | Auxiliary Police | Ladang Kosa | 01-Feb-12 |
| 10 | Abg. Zakaria B. Abg Mohamed | Security Guard | Auxiliary Police | Tulai | 01-Feb-12 |
| 11 | Hashim Bin Jailani | Security Guard | Auxiliary Police | Tulai | 01-Feb-12 |
| 12 | Razak Bin Medani | Security Guard | Auxiliary Police | NPOM | 01-Feb-12 |
| 13 | Ahmad Masnu Bin Abdullah | Security Guard | Auxiliary Police | Mukah 1 | 01-Feb-12 |
| 14 | James Anak Adang | Security Guard | Auxiliary Police | Mukah 3 | 01-Feb-12 |
| 15 | Chundang Anak Kiroh | Security Guard | Auxiliary Police | HQ | 01-Feb-12 |
| 16 | Ibrahm Bin Sulhi | Security Guard | Auxiliary Police | NPOM | 01-Feb-12 |
| 17 | Among Anak Kasim | Security Guard | Auxiliary Police | Sawai | 01-Feb-12 |
| 18 | Hamdan Bin Dillah | Security Guard | Auxiliary Police | Sri Duan | 01-Feb-12 |
| 19 | Abdul Razak Bin Ali | Security Guard | Auxiliary Police | SP Lab | 01-Feb-12 |
| 20 | Meringgai Anak Anyau | Security Guard | Auxiliary Police | SGOS | 01-Feb-12 |
| 21 | Yuslan Bin Maon | Security Guard | Auxiiary Police | Ladang 3 | 01-Feb-12 |
| 22 | Zamhaddy Bin Sarah | Security Guard | Auxiliary Police | HQ | 01-Feb-12 |
| 23 | Arni Bin Latip | Security Guard | Auxiliary Police | OCD | 01-Feb-12 |
| 24 | Ben Baya Angang @ Agang | Ag. Senior Estate | Senior Estate Manager | Mukah 1 | 01-Mei-12 |
| 25 | Mohammad Faizal Bin Sulaiman | Ag. Regional Manager III | Regional Manager (I, II, SUBURMAS, & Lot 86) | Ladang Kosa | 01-Mei-12 |

## JUMLAH KAKITANGAN SETAKAT APRIL 2012

| | |
|---|---|
| EKSEKUTIF | 125 |
| BUKAN EKSEKUTIF | 464 |
| JUMLAH | 589 |

## PERPINDAHAN

| No | Nama | Jawatan | PERPINDAHAN (LOKASI) DARI | PERPINDAHAN (LOKASI) KE | TARIKH EFEKTIF |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Collin Anak Udin | Field Supervisor | Subis 3 OPE | Subis 2 OPE | 15-Apr-2012 |
| 2 | Henry Etang Anak Jangan | Assistant Estate Manager | Sri Duan OPE | Mukah 1 OPE | 15-Apr-2012 |
| 3 | Andrew Jelan Meling | Senior Supervisor | Sri Duan OPE | Subis 3 OPE | 15-Apr-2012 |
| 4 | Abg. Zaiful Anuar Bin Abg. Zaaba | Junior Supervisor | Tulai OPE | Sri Duan OPE | 15-Apr-2012 |
| 5 | Agnes Anak Laou | Clerk | Melugu OPE | Mukah 1 OPE | 15-Apr-2012 |
| 6 | Samy Anak Linggang | Senior Mechanic | Sri Duan OPE | Mukah 1 OPE | 15-Apr-2012 |
| 7 | Mohammad Yudy | Junior Supervisor | Sri Duan OPE | Subis 2 OPE | 15-Apr-2012 |
| 8 | Mary Anak Teh | Clerk | Mukah 1 OPE | Melugu OPE | 15-Apr-2012 |
| 9 | Thomas Anak John Eddie | Mechanic | Mukah 1 OPE | Sri Duan OPE | 15-Apr-2012 |
| 10 | Jules Alvin Anak Sanggah | Senior Supervisor | Mukah 1 OPE | Sri Duan OPE | 15-Apr-2012 |
| 11 | Jalak Anak Siam | Senior Supervisor | Mukah 1 OPE | Subis 2 OPE | 15-Apr-2012 |
| 12 | Kuang anak Liang | Security Guard | Sri Duan OPE | Tulai OPE | 01-Apr-2012 |
| 13 | Halina Binti Yusuf | Clerk | Bukit Peninjau OPE | Sri Duan OPE | 15-Apr-2012 |
| 14 | Osmaiza Bin Omar | Junior Supervisor | Bukit Peninjau OPE | Mukah 3 OPE | 15-Apr-2012 |
| 15 | Odelia Duri Anak Lawrence Lepang | Senior Clerk | Mukah 1 OPE | Tulai OPE | 15-Apr-2012 |
| 16 | Bidah Anak Ujang | Senior Clerk | Subis 2 OPE | Mukah 1 OPE | 15-Apr-2012 |

## PUSING GANTI PEKERJA

| No | Bulan | Hari Terakhir Berkhidmat | Nama | Lokasi | Jawatan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Januari | 07-Jan-12 | Haniff Ariffin Abdullah | Mukah 1 | Junior Supervisor |
| 2 | Januari | 31-Jan-12 | Mohd. Azizan Abdullah @ Kenny | MPOM | Security Guard |
| 3 | Februari | 12-Feb-12 | Irwan Bin Musa | HRD | HR Supervisor |
| 4 | Februari | 29-Feb-12 | Mohamad Diah Dullah | Subis 3 | Senior Mechanic |
| 5 | Februari | 29-Feb-12 | Shickh Al Amin Bin Shek | Subis 2 | Junior Supervisor |
| 6 | Februari | 29-Feb-12 | Ana Anak Rangga | Sawai | Store Clerk |
| 7 | Februari | 29-Feb-12 | Buyot Anak Nawin | ADMIN | SA (Driver) |
| 8 | Februari | 29-Feb-12 | Patrick Nyuin Anak Layang | Mukah 1 | Security Guard |
| 9 | Mac | 30-Mac-12 | Abdul Rahim Awg Kep | Kosa | Senior Clerk |
| 10 | Mac | 30-Mac-12 | Ujul Jakal | OCD | Asst. Estate Manager |
| 11 | April | 13-Apr-12 | Dali Anak Lagie | Mukah 1 | SA (Survey) |
| 12 | April | 30-Apr-12 | Zulkifli Bin Mohamad | Corp Office | SA (Driver) |

Maklumat disumbangkan oleh: Pn.Nooradelina Kamil & Mohamad Ishya

## Kalendar Kursus Akan Datang - 2012

| BERMULA | BERAKHIR | PROGRAM |
|---|---|---|
| 14-Mei | 17-Mei | Basic Occupational First Aid |
| 14-Mei | 15-Mei | Creating Corporate Value with Good Public Relations |
| 15-Mei | 16-Mei | Laboratory Technician Workshop 2012 |
| 21-Mei | 22-Mei | Komunikasi dan Hubungan di Tempat Kerja |
| 21-Mei | 22-Mei | Principles and Characteristics of Effective Business Writing Skills |
| 22-Mei | 23-Mei | IRPAS Seminar Series: Insights into Effective investor Relations |
| 23-Mei | 25-Mei | Master Class Training: World Class Maintenance Management |
| 23-Mei | 24-Mei | Komunikasi dan Hubungan di Tempat Kerja |
| 25-Mei | – | Chemical Health Risk Assesment (CHRA) |
| 28-Mei | 29-Mei | Procurement Management |
| 30-Mei | 31-Mei | Bulding Facilities Operation and Maintenance Management |
| 18-Jun | 19-Jun | Kontrak + Dokumen Pekerjaan |
| 25-Jun | 27-Jun | 7th International Planters Conference 2012 |
| 2-Jul | 3-Jul | Negotiate to Win Masterclass |
| 17-Jul | 19-Jul | Kursus Kemahiran Menggred Buah Sawit |

# Latihan dan Pembangunan

## KURSUS DARI JANUARI-MEI 2012

| BERMULA | BERAKHIR | PROGRAM | BIL PEKERJA |
|---|---|---|---|
| 16-Jan-12 | 20-Jan-12 | Adobe Dreamweaver Level 1-3 | 5 |
| 16-Jan-12 | 17-Jan-12 | Forensic Auditing: Proactive Fraud Analyses, Process and Mitigation | 1 |
| 17-Jan-12 | 17-Jan-12 | 10th Meeting of The MPOB / industry Research Committee on Ganoderma in Sabah and Sarawak | 1 |
| 19-Jan-12 | 19-Jan-12 | Palm Oil Economic Review & Outlook Seminar 2012 | 2 |
| 10-Feb-12 | 11-Feb-12 | Kawal Aliran dan Cegah Jenayah Untuk Anggota Keselamatan | 11 |
| 14-Feb-12 | 14-Feb-12 | National Procurement Forum for The Public and Private Sector 2012 | 2 |
| 18-Feb-12 | 20-Feb-12 | Kursus Ternakan Lembu dan Kambing | 2 |
| 22-Feb-12 | 24-Feb-12 | Selamat Datang Orientation Program 1/2012 | 11 |
| 05-Mac-12 | 09-Mac-12 | Comptia A + Course | 5 |
| 05-Mac-12 | 06-Mac-12 | FFB Graders Briefing by MPOB (Refresher) | 76 |
| 05-Mac-12 | 07-Mac-12 | POC2012 Annual Palm and Lauric Oil Conference | 2 |
| 13-Mac-12 | 14-Mac-12 | Functions and Event Management | 6 |
| 20-Mac-12 | 20-Mac-12 | Majlis Penerangan Kod Amalan Baik Nurseri Sawit | 9 |
| 22-Mac-12 | 23-Mac-12 | Strategic Plannig Workshop Discussion | 10 |
| 26-Mac-12 | 28-Mac-12 | Effective Boiler Plant Operation and Maintenance | 10 |
| 28-Mac-12 | 28-Mac-12 | 2012 IFRS Conference | 1 |
| 02-Apr-12 | 03-Apr-12 | Fair Value Management and Accounting | 1 |
| 05-Apr-12 | 05-Apr-12 | LHDN-MEF Seminar on Taxation for Employers 2012 | 1 |
| 09-Apr-12 | 13-Apr-12 | Disaster Recovery Professional | 1 |
| 09-Apr-12 | 10-Apr-12 | Training Needs Analysis | 1 |
| 10-Apr-12 | 12-Apr-12 | SOILS 2012 Conference | 3 |
| 16-Apr-12 | 16-Apr-12 | Corporate Governance - The Competitive Advantage | 2 |
| 16-Apr-12 | 21-Apr-12 | EMS Implementation: On-site Interview to Naman Estate | 4 |
| 16-Apr-12 | 20-Apr-12 | Microsoft Exchange Server 2012 | 2 |
| 18-Apr-12 | 19-Apr-12 | Secretaries and Administrative Professionals Conference | 3 |
| 19-Apr-12 | 20-Apr-12 | Enhancing Personal Qualities for Supervisors (Batch 1/2012) | 20 |
| 21-Apr-12 | 21-Apr-12 | ISP Seminar Sustainable Yield in Plantation Through Improved Management Practice | 47 |
| 09-Mei-12 | 10-Mei-12 | Enhancing Personal Qualities for Supervisors (Batch 2/2012) | 24 |
| 11-Mei-12 | 12-Mei-12 | Enhancing Personal Qualities for Supervisors (Batch 3/2012) | 20 |

*Maklumat disumbangkan oleh: Puan Prisca Nicholas & Karen Shirley*

# TKI

## Ibu...Ibu...Bapak...Bapak...
## Mari Belajar Bahasa Indonesia

| Bahasa Indonesia | Bahasa Malaysia |
|---|---|
| Selabit | Bakul |
| Semprot Rumput | Meracun Rumput |
| Tabur Pupuk | Tabur Baja |

| JUMLAH PEKERJA TKI SETAKAT MAC 2012 | |
|---|---|
| KEMASUKAN BARU | 112 |
| SEDIA ADA | 1737 |
| BERHENTI | 49 |
| JUMLAH | 1800 |

*Maklumat disumbangkan oleh: Encik Zachery & Kamal Adon*

# Aktiviti TKI



*Dengan kerjasama dari pihak Jabatan Imigresen, Malaysia*

**PROGRAM 6P UNTUK TKI**

**Kumpulan 1** –13 Ogos – 14 Ogos 2011

**Kumpulan 2** –14 Disember 2011

**PROGRAM 6P TKI (UNTUK TANGGUNGAN / ANAK-ANAK)**

Program 6P TKI (Anak-Anak) telah diadakan pada 18 Jan – 19 Jan 2012



*Proses 6P yang dijalankan*



# Sekitar Aktiviti Januari hingga April 2012



Lawatan oleh Citra Widya Education, Indonesia ke Seed Production Unit dan Niah Palm Oil Mill pada 16 Febuari 2012.



Seramai 40 orang kakitangan menyertai Perarakan Maulidurrasul Peringkat Negeri Sarawak di Miri anjuran Majlis Islam Sarawak pada hari 5 Febuari 2012.



'Aktiviti Headquarters Futsal Fun Game' untuk kakitangan Ibupejabat dan Estates Northern Region di Miri Indoor Stadium pada 14 Febuari 2012.



Menyertai Pertandingan 10-Pin Boling Jemputan oleh Kelab Sosial & Kebajikan Jabatan Tenaga Kerja Miri di Megalanes East Bowling Centre, Bintang Plaza Miri pada 25 Febuari 2012.



*'Appreciation Nite'* untuk pekerja STOPE pada 9 Mac 2012 dihadiri lebih 300 orang pekerja dianjurkan untuk mengiktiraf pencapaian melebihi sasaran dalam suku ke empat bagi tahun 2011.



*'Appreciation Nite'* untuk pekerja BPOPE pada 10 Mac 2012 dihadiri lebih 300 orang pekerja dianjurkan untuk mengiktiraf pencapaian melebihi sasaran dalam suku ke empat bagi tahun 2011.

## Januari

- KOAY BEE ENG
- YANTI IDRIS
- HILDA CHEE HUI JUNE
- ARMAN BIN HJ. MULOK
- RAKESH BIN MAHARI
- HJ. JOHAN BIN MOHD RADIN
- MOHAMAD BIN SIDON
- HUSNUL KHATIMAH BTE BILLON
- NAPISAH BTE SULAI
- ROSE AK CHIMI
- BOLHAN BIN BOLHASSAN
- CHENG YUN CHIA
- WILSON AK MAJOK
- MOHD ASRY BIN ABDULLAH
- HAILIN BTE RAMBLI
- DEWEI LENJAU
- MOHD ZULFADLY BIN RASIDI
- TAIP BIN US
- ZAINAL BIN JUKI
- ROSMADI BIN AMAN
- ABD MANAN BIN BUSERAH
- JALAK AK SIAM
- KHAIRIZAL BIN MUSTAPHA
- JACKSON AK BANTIN
- MOHD HALIF BIN OTHMAN
- REGI AK MUJAH
- DANI BIN SANUN
- AMIT BIN YUSOPE
- NASIR BIN RAZALI
- STEVEN AK CHAKAT
- RANDY DEXTER JOSIAH
- AME BIN ARDING
- OSMAIZA BIN OMAR
- ALEX AK BENNET
- HIPLI BIN SERI
- FREDDY HERMMAN AK BANTI
- LUCAS ANAK MANGGI
- SYHARI BIN IBRAHIM
- ZAKARIA BIN HARON
- LEDANG AK LEMBANG
- ANTHONY AK NOJIN @ LEYTUNG
- JEFFREY GRUNSIN AK JALIN

## Februari

- SYUHADA BTE KIPLI
- ISMAIL BIN UPIA
- BOSLI BIN KADRI
- LILY IMANG
- HAYATI BTE ADENAN
- SAZALI BIN ABD RAHMAN
- MAGDALENA BTE MOHAMAD
- PRISCA NICHOLAS PANJANGOU
- MECHOLINA LATIFAH BTE MIKEL
- ANYIE AJENG JAU
- WIDYAWATI BTE IBRAHIM
- HASLINA BTE JAHAWI
- SAJAM AK LAKON
- KHAIRUL HAZWAN BIN MOHD SALLEHUDDIN
- HARMIL SHAH BIN HAMID SHAH
- SURIADI BIN JOHARI
- HADRAH BTE HAMZAH
- THOMAS NYALAU AK SIU
- NOEL AK JUNA
- GEORGE MICHAEL AK SIRAI
- DEWA BTE AHIT
- BONIC AK STEPHEN
- BOBY AK AJOL
- NUR LIYANA BTE ABDULLAH
- COLLIN AK UDIN
- LEYUNG AK SINJA
- ENTILI AK TUNGSUNG
- YARI AK LAKI
- USSIK AK BALAU
- LAWRENCE AK RANSA
- BANSANG AK MANG
- MOHANNA BIN ABD RANI
- LUMPUH AK RANGGAU
- AUGUSTINE AK SAMAT
- ANDY AK MERIKAN
- SUPI BIN JARAWI
- ABG ZAIFFUL ANWAR BIN ABG ZAABA
- DESMOND AK UDIN
- ABD RAHMAN BIN HAMDAN
- LADA/NAYA AK JANTAN
- NAZ RUDDIN BIN NARAWI
- WATSON RENANG AK NIBONG
- SALIMAH BTE JEIDI
- PATRICK AK ILOT
- AJANG AK MUDA
- ENTERING AK GURUNA
- CHENDANG AK BANDAN

## Mac

- AMENG BIN MOHTAR
- SITI SAHARAMA BTE SUAI
- WAN ASRAQ ARIF BIN WAN ALI
- HAMDAN BIN SARUN
- MOHD AZAHARANI BIN SERUJI
- ABD RAHMAT BIN JULAIHI
- HANISAH BTE MOHAMAD
- NOORIZAN BTE AMIT
- MOHD NUR ARSYAD BIN TAMIT
- ABG SAJALI BIN ABG OSMAN
- MAXWELL NUANG AK AKIAT
- LASTRI BTE HAMDAN
- SALINA BTE HASSIM
- CHUNDANG AK KIROH
- ALI BIN AWI
- UJUL @ SIDEN BIN JAKAL
- WAZIDAH BTE GERDI
- SIRI BIN SAHARI
- APANG AK RANGGAU
- ABD RAJID BIN DANGI
- JOHAN BIN JAMARI
- RADZUAN BIN AHIT
- NUJIR AK LAJING
- ARIN AK IGANG
- NOH ALAU
- DERUS AK NYANTEH
- JEFFREY BAKAT AK NANTA
- DIANA AK NGADI
- ADAM BIN ADENI
- BARAN AK BEJI
- GOLMIE BIN GANI
- MOHD SHAHAMIRUL BIN HAMID
- DORIS AK THE
- MOHD FAIZAL BIN SULAIMAN
- SOCRATE AK SARO
- ADDERLY TIE CHUNG SIONG
- IBRAHIM BIN SULHI
- UNGON AK NAWING
- HAYATI BTE AMIN
- HASHIM BIN JAILANI
- SULHI BIN BUGAL
- MOHD SAFARUDDIN BIN KETOT
- MOHD NORADZAMAN BIN MOHD AMIN
- LAPOK AK ANSI
- JAMES AK GALAU
- JULIA BTE BASIR
- NYALAU AK RASUL
- AWANG AK RAWING
- ZAINAL ABIDIN BIN JAHANI
- KHARUL SALEH BIN MOHD NOR
- SAMULEE AK JOHNNY
- ROSEMARY AK RAWING
- BADARI BIN NUSI
- TONY AK SYLVESTER INSIDI
- WAKIAH AINI BTE SUHAIMI
- IMBAK AK SAGA
- AWG SEDEK BIN AWG JAYA
- DONNY AK JU
- DUBLIN AK APIK
- JERAIMIE NICHOLAS LAU AK

## April

- ZAHARI BIN MOHD NUSI
- LINDA BTE ROSALI
- ARIFFIN BIN SARUN
- ZULKIFLI BIN MOHAMAD
- SUKARMI BTE NASREN
- SAIFORIZAL BIN IDRIS
- KAMAL BIN ADON
- MOHD TAJUDDIN BIN YUSOP
- SALAM BIN SAMIDI
- RAFIUDDIN BIN TAMIT
- MUEENUDDIN BIN MOHIDIN
- AHMAD FADZLAN BIN HAMDEN
- ROHANA BIN SHARIEE
- MAJANI BIN SULAI
- ROSLI BIN ULIS
- REMONG AK SUING
- SAIFUL BIN MUMIN
- SANGGA AK SABA
- MOHD YUDY BIN RAMDAN
- AMZAH BIN DRAHMAN
- WASLI BIN TAMIN
- HAJIJAH BTE SARUDIN
- SUZANE AK ULIS LOW
- AKIEN AK AHOI
- ISMAIL BIN ABDULLAH
- AZRI BIN ANI
- AHMAD MASNU BIN ABDULLAH
- AWGKU ALIYUSOP BIN PGN ISMAIL
- LEE AK JIMBAU
- UNTANNEE AK SALOH
- BEN BAYA AGANG
- AGNES AK LAOU
- MATHIEAS AK TEMANGGONG
- HENRY AK BACHOK
- KUANG AK LIANG
- BANI BIN TELI
- YUSUP BIN MORSHIDI
- ATO AK MASAM
- TADING AK KADUM
- MOHD ZULFADLI BIN MOHAMAD
- CHAP BIN UNA
- CAESAR LOUISE JONES AK JIMMY
- DANA AK RUSAK

*Panjang Umurnya, Panjang Umurnya, Panjang Umurnya Serta Mulia....Selamat Hari Lahir!!!*

*Info dari Employee Relation Section, Human Resources and Admin Department*

## "Selamat Pengantin Baru... Semoga Berbahagia Selamanya'



28 April 2012 menjadi tarikh keramat buat Saudari Hasmah Binti Anthony Hasbi (Corporate Finance Supervisor) mengakhiri zaman bujangnya dengan pilihan hatinya Saudara Anuar Bin Seria.

***Selamat Pengantin Baru!***



Tahniah kepada Saudari Zalina Binti Zaaba (GMD Office Secretary) dan Saudara Kushairi Bin Hj Kaderi yang telah melangsungkan pernikahan mereka pada 6 April 2012 yang lalu.



**RAIYAN SYA'ARANI BIN MOHD ZULFIKI**

Lahir pada 7 Febuari 2012, bayi lelaki kepada Puan Farah Friyana Binti Abdul Razak, Clerk dari Corporate Office Kuching.



**ALAISYAH NURHAFIZZAH BINTI ABDUL KADIR**

Lahir pada 9 April 2012, bayi perempuan kepada Encik Abdul Kadir Bin Mahasir, Land Executive dan Puan Syu-hada Bin Kipli dari Corporate Office Kuching.

**SAPPHIRE JUDITH AK MERGI**

Lahir pada 5 Febuari 2012, bayi perempuan kepada Encik Mergi Ak Joshua, Mill Manager dari Mukah Palm Oil Mill, Mukah.

**NEELAM ZAHRAA BINTI MANTAHAR**

Lahir pada 13 April 2012, bayi perempuan kepada Puan Dygku Masfa Binti Pengiran Ratuddin, Sr. Audit Assistant dari Interal Audit Department Headquarters Miri.

**AHMAD FARHAN BIN HAMDANI**

Lahir pada 18 April 2012, bayi lelaki kepada Encik Hamdani Bin Hasfa, Mill Manager dari Niah Palm Oil Mill, Niah.

***emmm...comelnya...Tahniah***

***Selamat Menyambut Kelahiran Baru***

## Sepatah Kata...Encik Arman Mulok

# Sekapur Sirih

**Daripada Pengurus Sumber Manusia & Pentadbiran Encik Arman Mulok**



**Assalamualaikum & salam sejahtera.**

Sebelum memulakan bicara, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada semua kakitangan yang telah terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam menjayakan penerbitan *"Newsletter"* syarikat kita yang telah sekian lama tidak diterbitkan.

Tahun 2011 telah membuktikan bahawa Sarawak Plantation Berhad (SPB) yang dianggotai oleh kita semua telah berjaya mencapai prestasi yang pernah dianggap hampir mustahil untuk dicapai. Kejayaan yang kita kecapi hasil kerjasama dan semangat saling mempercayai itu telah dibalas oleh pihak pengurusan dengan memperbaiki faedah kakitangan yang sedia ada serta mengutamakan kebajikan kakitangan. Majoriti daripada kita telah mendapat kenaikan gaji yang tertinggi dalam sejarah SPB, kenaikan pangkat bagi yang layak, insentif serta bonus terbanyak sejak 5 tahun lalu.

Pihak pengurusan juga lebih telus dalam memberi latihan kepada kakitangan supaya kecekapan kakitangan dapat dipertingkatkan.

Insya Allah, dengan semangat kerja yang penuh komited, kerjasama serta saling bantu membantu dan percaya mempercayai, SPB akan bertambah maju dan tidak mustahil untuk kita akan mendapat faedah dan manfaat yang lebih baik dari tahun 2011. Syaratnya mudah, kita lakukan lebih baik dari tahun lepas yang mana saya pasti kita semua mampu melakukannya lagi.

Ingin saya menegaskan bahawa, setiap kita yang wujud dalam SPB, tak kira pangkat, umur dan kedudukan, samada buruh atau pegawai, dari Malaysia atau Indonesia, kita mempunyai tugas dan tanggungjawab yang tersendiri dan penting dalam memajukan syarikat. Oleh itu, sikap saling hormat menghormati amatlah diperlukan dalam mewujudkan suasana kerja yang harmoni.

## Glossari / Terma perkataan yang biasa digunakan di kilang

| KATA / SINGKATAN | MAKSUD SINGKATAN | MAKSUD KATA | PENERANGAN |
|---|---|---|---|
| CPO | Crude Palm Oil | Minyak Sawit Mentah (MSM) | • Minyak yang terhasil daripada pemprosesan (Pengilangan) adalah dipanggil Minyak Sawit Mentah (MSM) atau Crude Palm Oil (CPO).<br>• Minyak Sawit Mentah perlu diproses di kilang Penapisan (Oil Refinery) sebelum boleh digunakan sebagai minyak yang boleh dimakan. |
| OER | Oil Extraction Rate | Kadar Perahan Minyak (KPM) | • Kadar Perahan Minyak ialah jumlah atau kuantiti minyak sawit mentah yang dapat dihasilkan melalui pemprosesan daripada sejumlah Buah Tandan Segar.<br>• OER dinyatakan dalam unit peratusan, merupakan parameter penting dalam pemprosesan FFB di sesebuah kilang. |

*Di sediakan oleh: Facilities & Mill Services*

**SELALUNYA...**




**SEPATUTNYA...**




Sekiranya anda berminat untuk memberikan dan menyumbangkan sebarang idea, artikel atau maklumat yang ingin dikongsi, sila hubungi atau hantarkan maklumat tersebut kepada:

Pejabat Korporat : **Encik Lionel Jampong**
Tel: 082-233 550 • Faks: 082-256 560 • Emel: lionel.jampong@spbgroup.com.my / lioneljampong @yahoo.com

Ibu pejabat : **Puan Rusleenda Ridhuwan**
Tel: 085-413 814 (Samb: 304) • Faks: 085-412 861 • Emel: rusleenda@spbgroup.com / neelsur20@yahoo.com

**Puan Hanisah Mohamad**
Tel: 085-413 814 (Samb: 301) • Faks: 085-412 861 • Emel: hanisah.mohamad@spbgroup.com / nisah566@yahoo.com



## Tanggungjawab Sosial & Korporat

# Aktiviti...




**20 Januari 2012**
SPB menjadi 'Rakan Sukan' Persatuan Taekwondo Sarawak (WTF)



**5 Februari 2012**
Sumbangan van jenazah kepada Lembaga Amanah Kebajikan Islam Bintangor sempena sambutan Maulidur Rasul



**26 Februari 2012**
Sumbangan Ambulans kepada Hospital Daerah Lawas dan van jenazah kapada Lembaga Amanah Kebajikan Islam Limbang dan Lawas.




**8 March 2012**
Sumbangan kepada Yayasan Jantung Sarawak



**9 April 2012**
Sumbangan van jenazah kepada Masjid AT-TAQWA Miri




**21 April 2012**
Majlis Malam Amal Lembaga Kebajikan Anak-Anak Yatim Sarawak bersama Ketua Menteri Sarawak